

GEJALA SOSIAL DI KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI

Normadiana Binti Mohammad Hanapi, Norizah Bt Omar, Mohammad Mokhtar B Samat,
Mohd Mawardi B Mohd Kamal

Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pahang

Abstrak: Gejala sosial merupakan perbuatan dan kelakuan bersifat negatif luar dari akal fikiran dan nilai-nilai agama. Artikel ini membincangkan permasalahan gejala sosial di kalangan mahasiswa universiti serta peranan pensyarah dalam menangani masalah ini. Golongan remaja merupakan golongan terbesar yang menyumbang kepada permasalahan ini. Golongan ini dianggap masih mentah, masih memerlukan tunjuk ajar dan terdapat hala tuju yang dapat digunakan sebagai pedoman di dalam diri. Oleh itu, bagi membendung gejala sosial ini dari berleluasa, ianya adalah satu kemestian untuk kita mencari dan mengenal pasti penyebab kepada aktiviti-aktiviti negatif ini. Pembelajaran merupakan satu sistem pendekatan akademik yang membolehkan pensyarah dan pendidik mendidik, memberi tunjuk ajar serta memikul tanggungjawab besar dalam menangani masalah gejala sosial ini.

Kata kunci: masalah gejala sosial, peranan pensyarah, pengajaran dan pembelajaran.

Pengenalan

Gejala sosial merupakan satu sifat negatif dan dipandang serong oleh masyarakat, samada dari sudut pandangan agama atau corak kehidupan mereka (Hamzah, 2003). Perkembangan pesat teknologi (IT) pada masa sekarang juga mempengaruhi nilai etika dan moral masyarakat serta gaya dan corak kehidupan mereka (Mohd Janib Johari, 2009). Penggunaan dan pengaruh IT dalam kehidupan seharian masyarakat ada kebaikan dan keburukannya sekiranya disalah gunakan, contohnya seperti penyalahgunaan internet, pergaulan bebas serta interaksi sosial dan perbuatan tidak bermoral yang diluar batasan akal fikiran (H. Hamzah Ya' qub, 1983).

Etika dan moral adalah saling berkaitan di mana moral di nilai dan diukur bergantung kepada tingkah laku dan perbuatan berdasarkan kepada etika yang dipegang oleh seseorang individu tersebut (Abdul Rahman Abdul Aziz, 2002). Tahap kefahaman masyarakat terhadap etika dan moral adalah penting bagi mengelakkan gejala sosial terjadi secara berleluasa. Ciri-ciri etika dalam diri setiap individu terutamanya pelajar-pelajar boleh diterapkan melalui sistem pembelajaran yang disampaikan oleh setiap pendidik di dalam kelas secara formal dan tidak formal. Tunjuk ajar (secara formal) serta pengalaman dan pemerhatian (secara tidak formal) daripada setiap pendidik dapat membendung gejala sosial daripada terus berlaku. Mengikut laporan media tempatan, peningkatan jenayah semakin bertambah dan kerap dilaporkan terutamanya jenayah rogol, bunuh, rompak dan ragut (Utusan Malaysia, 23 Ogos 2004).


Hanya kerana mementingkan kejayaan dalam pelajaran semata-mata dan kurangnya didikan agama juga antara salah satu faktor pelajar terlibat dalam gejala negatif (Sidek Baba, Berita Harian, Sabtu, 13 Dis. 2008).



Rajah 1: Sumber


Kesihatan Malaysia (2018)

Kementerian



Rajah 2: Sumber Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, 2018 (bagi tahun 2015 – 2017)

Kurangnya tumpuan kepada para remaja oleh pihak keluarga dan faktor persekitaran juga adalah penyumbang kepada konflik dalam diri mereka, kekecewaan terhadap keluarga dan juga tingkah laku devian dalam meluahkan perasaan (Nor Ba'yah 2004). Di samping itu juga, Noor Azam Abdul Rahman (2003) berpendapat bahawa remaja melayu adalah penyumbang tertinggi dalam peratusan golongan yang terpengaruh dengan ketagihan internet (cybermania).



Sumber: Diolah dari Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM (2008-2012)

Rajah 2. Statistik tangkapan penuntut sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (2008-2012)

Rajah 3: Sumber Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM, 2012

Mereka menyalahgunakan internet hanya untuk mencari hiburan semata-mata tanpa halangan dan pantauan dari ahli keluarga. Selain daripada itu, kurangnya penglibatan pelajar dalam aktiviti kolej mahupun universiti juga mendorong kepada berlakunya fenomena ini. Hal ini dijelaskan lagi dalam kajian yang dilakukan oleh Mohammad Abu Bakar (2011) di mana para pelajar yang kurang aktif dalam melakukan aktiviti persatuan dan kokurikulum akan terdorong untuk menghabiskan masa melakukan aktiviti negatif berbanding mereka yang aktif berpesatuan.

Penyataan masalah

Menurut pendapat Kenny dan Rice (1995), hubungan kekeluargaan yang baik di antara pelajar dan kedua-dua ibubapa dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar tersebut dan mendorong mereka mempunyai hala tuju kehidupan yang lebih jelas serta bijak dalam menyampaikan pendapat dan membuat keputusan. Masalah gejala sosial yang melibatkan perilaku pelajar-pelajar di institut pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta sering kali menjadi pilihan laporan media massa, contohnya isu pronografi yang viral di internet sekitar Jun 2003 (Utusan Malaysia, 3 Jun 2003). Pihak media massa melaporkan permasalahan gejala sosial pelajar di IPT menyumbang kepada penentuan kredibiliti institusi berkenaan. Antara laporan permasalahan gejala sosial dan kes luar tabii yang berjaya dicatatkan ialah seperti kes buang bayi, berkhawat, rogol, buli, buli siber, pengambilan dadah dan lumba haram. Maklumat dan gambaran umum yang diperolehi hasil daripada masalah gejala sosial yang berlaku dikalangan remaja umumnya dan pelajar IPT khususnya di zaman sekarang berlaku dimana-mana saja. Persoalannya, apakah faktor utama pelajar-pelajar ini terdorong untuk terlibat dalam kes-kes gejala sosial ini dan apakah jalan penyelesaiannya agar masalah ini dapat dielakkan.

Bagi seorang pelajar, masa mereka bukan hanya tertumpu kepada pembelajaran semata-mata tetapi juga aktif melibatkan diri dalam aktiviti akademik dan bukan akademik. Kurangnya penglibatan pelajar dalam aktiviti kolej mahupun universiti mendorong kepada berlakunya masalah gejala sosial. Hal ini dijelaskan dalam kajian yang dilakukan oleh Mohammad Abu Bakar (2011) dimana pelajar yang kurang aktif dalam melakukan aktiviti persatuan dan kokurikulum akan terdorong untuk menghabiskan masa melakukan aktiviti negatif berbanding mereka yang aktif. Dalam kajian ini, faktor-faktor yang dikaitkan dengan masalah gejala sosial adalah faktor tahap didikan agama, faktor hubungan dengan ibu bapa dan rakan sebaya, pengaruh internet dan pengaruh di masa lapang. Melalui hasil daripada kajian yang dilakukan, impak yang positif dapat dirasakan oleh diri pelajar itu sendiri, pihak ibu bapa, rakan-rakan, pensyarah dan pihak universiti khususnya.

Faktor tahap didikan agama

Menurut pandangan Rasid Rahaman (Berita Minggu, Ahad, 23 Dis. 2007), tanggungjawab memberikan didikan agama kepada anak-anak adalah wajib dilaksanakan dan tidak terbatas sekadar persediaan untuk Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kurangnya didikan agama di kalangan remaja masa kini turut mengundang kepada berlakunya masalah gejala sosial. Sidek Baba (Berita Harian, Sabtu, 13 Dis. 2008) menyatakan, sistem menghafal yang dilaksanakan dalam pembelajaran berbanding memahami intipati ajaran agama itu sendiri akan menghasilkan pelajar yang bijak pandai tetapi masih terjebak dalam masalah gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah.

Menurut pandangan Islam, ibu bapa memainkan peranan yang penting dan mempunyai bertanggungjawab untuk memberikan didikan kepada anak-anak terutamanya didikan iman, moral dan fizikal. Ketiga-tiga didikan ini penting bagi mengelakkan masalah gejala sosial dan pengaruh aktiviti negatif daripada berlaku yang boleh merosakkan diri mereka sendiri.

Faktor hubungan antara pelajar dengan ibu bapa dan rakan sebaya

Sahsiah diri di kalangan remaja wujud dan terbina daripada hubungan kekeluargaan yang baik. Sikap, tutur kata, dan personaliti seseorang itu juga dipengaruhi oleh keluarganya. Ibu bapa yang terlalu komited terhadap kerja atas desakkan hidup, pasangan yang berpisah dan sering bertengkar, serta kurang memberikan perhatian kepada anak-anak mereka akan melahirkan konflik dalam diri remaja-remaja tersebut. Ini mendorong remaja-remaja ini untuk mencari alternatif bagi mendapatkan perhatian dan kasih sayang dari pihak lain. Mereka juga cepat terpengaruh, kerap meluangkan masa untuk bersosial dan lebih mempercayai kata-kata rakan sebaya berbanding keluarga sendiri. Masalah gejala sosial dapat dielakkan daripada berlaku jika ada wujudnya aktiviti bersosial yang sihat yang datang daripada cara pemilihan rakan sebaya yang betul (Mohammad Abu Bakar, 2011).

Faktor pengaruh internet

Kata-kata seperti 'dunia tanpa sempadan' ataupun 'maklumat hanya dihujung jari' memberi maksud segala maklumat mudah diperolehi dan tiada sempadan waktu. Disebabkan sistem pembelajaran di IPT, para pelajar kerap melayari internet bagi tujuan pencarian maklumat. Menurut Utusan Malaysia (Isnin, 23 Ogos, 2004), dalam perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang serba canggih ini, ia boleh memberikan kesan negatif kepada semua lapisan masyarakat. Oleh itu, penapisan maklumat yang dilakukan oleh Jabatan Penapisan Maklumat dan Media Negara adalah perlu dan dapat mengengkang maklumat yang tidak baik daripada sampai kepada orang ramai. Bentuk penapisan maklumat seperti ini merupakan satu tindakan yang baik dalam menangani masalah gejala sosial daripada berlaku.

Faktor masa lapang pelajar

Hal ini ditegaskan dalam kajian Mohammad Abu Bakar (2011) di mana ianya merujuk kepada bagaimana para pelajar mengisi masa terluang mereka. Menurut beliau, bagi pelajar yang kurang aktif dalam melakukan aktiviti persatuan dan kokurikulum anjuran pihak universiti, mereka akan terdorong untuk menghabiskan masa melakukan aktiviti-aktiviti negatif berbanding para pelajar yang aktif. Oleh yang demikian, pengawasan daripada pihak-pihak tertentu haruslah dilaksanakan bagi memastikan pelajar-pelajar mereka terus aktif dan tidak terjebak dalam masalah gejala sosial. Sekiranya perkara ini tidak dibendung, ada kemungkinan bahawa ianya akan mendorong masalah yang lebih kritikal di masa hadapan.

Kaedah Kajian

Kaedah deskriptif atau tinjauan digunapakai dalam kajina ini untuk mendapatkan maklum balas para responden terhadap penyebab kepada terjadinya masalah gejala sosial. Van Dalen (1979) di dalam Ng B.G. (1996) menyatakan bahawa melalui kajian deskriptif dengan penggunaan borang soal selidik,

fenomena gejala sosial boleh difahami hasil perolehan daripada analisa data yang didapati. Tuckman (1988) menyatakan kaedah soal selidik adalah jalan termudah untuk memperolehi maklumat dan kerjasama daripada responden. Set soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

Jadual 3: Kandungan borang soal selidik kajian

Item	Bentuk soalan
i – iii	Maklumat am responden
1 – 6	Perumahan tentang gejala sosial
7 – 10	Faktor pengaruh ibubapa
11 – 14	Faktor pengaruh rakan
15 – 19	Faktor pengaruh internet
20 -23	Faktor tahap didikan agama
24 -27	Faktor masa lapang
28 -37	Cadangan mengatasi gejala sosial dikalangan pelajar IPT

Kajian ini menggunakan skala Likert yang terdiri daripada lima peringkat:

- 1 - Sangat Tidak Setuju (STS)
- 2 - Tidak Setuju (TS)
- 3 - Tidak Pasti (TP)
- 4 - Setuju (S)
- 5 - Sangat Setuju (SS)

Keputusan & Perbincangan

Jadual 4: Taburan dan Peratusan Responden untuk Didikan Agama Kepada Pelajar

No. Item	Soalan	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju	Min
S19	Saya berpendapat didikan agama dan gejala sosial berkait rapat.	11 (3.7%)	27 (9.1%)	260 (87.3%)	4.31
S20	Saya sering dinasihati oleh ibubapa untuk melakukan amal ibadat dan tidak melakukan perkara dilarang agama.	8 (2.7%)	21 (7.0%)	269 (90.3%)	4.42
S21	Saya berpendapat didikan agama dapat menjadi pendinding dari gejala sosial.	12 (4.0%)	33 (11.1%)	253 (83.9%)	4.35
S22	Saya berpendapat bentuk pendidikan agama di Malaysia dapat membentuk substansia pelajar kini lebih baik.	30 (10.1%)	75 (25.2%)	193 (64.8%)	3.82
	PURATA	5.12	13.1	81.57	4.22

Hasil daripada kajian yang dijalankan bagi item 19, 20 dan 21, majoriti responden berpendapat bahawa didikan agama adalah penting dan perlu disemai dalam diri setiap orang supaya gejala sosial dapat dibendung. Malah, bagi item 22, peratusan responden yang kurang berkeyakinan terhadap keberkesanan sistem pendidikan agama di Malaysia bagi membentuk sahsiah dan nilai murni di kalangan pelajar adalah yang terendah.

Jadual 5: Taburan dan Peratusan Responden untuk Pengaruh Ibumaba dan Rakan Sebaya

No. item	Soulan	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju	Min
S6	Saya mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat.	2 (0.6%)	18 (6.0%)	278 (93.3%)	4.45
S7	Saya kerap berhubung dengan keluarga.	5 (1.7%)	79 (9.1%)	266 (89.2%)	4.37
S8	Ibumaba saya merupakan idola saya	7 (2.3%)	26 (8.7%)	265 (88.9%)	4.30
S9	Saya sering mendapatkan pandangan ibu bapa untuk membuat keputusan .	14 (4.4%)	53 (17.8%)	231 (77.5%)	3.99
S10	Saya mempunyai rakan karib	4 (0.4%)	35 (11.7%)	259 (86.9%)	4.26
S11	Saya sering mendapatkan pandangan rakan-rakan saya.	9 (3.0%)	40 (13.4%)	249 (83.6%)	4.09
S12	Saya sering melakukan aktiviti bersama dengan rakan saya.	7 (2.4%)	32 (10.7%)	259 (87.0%)	4.12
S13	Saya mempunyai keinginan untuk melakukan perkara yang dilakukan rakan saya	33 (10.7%)	87 (29.2%)	179 (60.1%)	3.60
	PURATA	3.18	13.32	83.32	4.16

Berdasarkan kajian yang di jalankan, responden sangat rapat dan banyak dipengaruhi oleh ibu bapa dan rakan-rakan semasa berada di IPT terutamanya dalam membuat keputusan. Bagi item 13, sikap dan pengaruh rakan sebaya kurang mempengaruhi responden untuk melakukan gejala sosial.

Jadual 6: Taburan dan Peratusan Responden untuk Pengaruh Internet

No. item	Soalan	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju	Min
S14	Saya mudah untuk mengakses internet	44 (14.8%)	52 (17.4%)	202 (67.8%)	3.64
S15	Saya mengakses internet untuk mendapatkan maklumat pelajaran sahaja.	83 (27.8%)	80 (26.8%)	135 (45.3%)	3.18
S16	Saya memahami etika semasa mengakses internet.	19 (6.4%)	76 (25.5%)	203 (68.1%)	3.73
S17	Saya dapat menbezakan jenis maklumat yang terdapat dalam internet.	10 (3.3%)	53 (17.8%)	235 (78.9%)	3.97
S18	Saya mengetahui akibat penyalahgunaan internet.	8 (2.7%)	25 (8.4%)	265 (88.9%)	4.17
	PURATA	11.00	19.18	69.8	3.74

Secara keseluruhan hasil dari kajian yang dijalankan, sebahagian besar responden tahu akibat buruk penyalahgunaan internet. Item 17 menunjukkan para responden dapat membezakan jenis-jenis maklumat yang diperolehi daripada internet, manakala item 14 dan 16 menunjukkan responden beretika dan tidak mudah untuk mengakses internet. Item 15 menunjukkan responden mengakses internet untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pelajaran sahaja.

Jadual 7: Taburan dan Peratusan Responden untuk Pengaruh Masa Lapang Pelajar

No. Item	Soalan	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju	Min
S23	Saya mempunyai jadual harian yang penuh.	31 (10.4%)	90 (30.2%)	177 (59.4%)	3.66
S24	Saya sering terlibat dengan aktiviti persatuan atau kolej.	63 (21.1%)	90 (30.2%)	145 (48.7%)	3.42
S25	Saya gemar menghabiskan masa bersama dengan rakan.	22 (7.4%)	65 (21.8%)	211 (70.9%)	3.85
S26	Saya faham kepentingan penggunaan masa yang betul.	2 (0.6%)	44 (14.8%)	252 (84.5%)	4.21
	PURATA	9.87	24.35	65.87	3.78

Daripada analisa item 26, ianya dapat dilihat bahawa responden pandai menguruskan masa dengan betul, manakala item 23 dan 24 menunjukkan bahawa responden mempunyai banyak masa untuk terlibat dengan aktiviti persatuan atau kolej. Item 25 pula menunjukkan bahawa responden gemar menghabiskan masa bersama rakan.

Jadual 8: Taburan Min Keseluruhan Persoalan Kajian

Bil	Persoalan kajian	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju	Min
1	Pengetahuan am tentang gejala sosial	3.20	14.10	82.52	4.16
2	Pengaruh ibubapa dan rakan	3.18	13.32	83.31	4.16
3	Pengaruh internet	11.00	19.18	69.80	3.74
4	Pengaruh didikan agama	5.12	13.10	81.57	4.22
5	Pengaruh masa lapang	9.87	24.35	65.87	3.78
6	Cadangan untuk menangani masalah gejala sosial.	14.10	22.68	63.22	3.26

Hasil keseluruhan kajian soal selidik menunjukkan sebahagian besar responden berpengetahuan dan tahu mengenai gejala sosial dengan memperolehi min 4.16. Pengaruh didikan agama memberikan nilai tertinggi iaitu dengan min 4.22. Ini menunjukkan didikan agama adalah penting untuk membendung pelajar daripada terlibat dalam masalah gejala sosial. Pengaruh hubungan ibu bapa dan rakan-rakan adalah kedua tertinggi dengan memperolehi min 4.16 kerana mereka banyak mempengaruhi landskap kehidupan responden di IPT. Pengaruh masa lapang adalah ketiga tertinggi dengan min 3.78. Walaubagaimanapun, ianya kurang mempengaruhi landskap kehidupan para responden tersebut.

Pengaruh internet adalah yang terendah dengan min 3.74. Walaupun internet memberikan banyak kemudahan kepada pengguna, penyalahgunaannya akan membawa banyak keburukkan.

Kesimpulan

Analisis data daripada kajian ini dibuat adalah bagi mengenalpasti empat faktor utama yang mengalakkan dan mempengaruhi pelajar di IPT untuk terjerbak dengan masalah gejala sosial iaitu 1) tahap didikan agama, 2) pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya, 3) pengaruh internet dan 4) masa lapang individu. Hasil analisis mendapati pengaruh utama kebanyakan responden terjerbak dalam masalah gejala sosial adalah pengaruh internet dimana ianya menunjukkan min terendah disebabkan majoriti responden tidak bersetuju dengan item-item soalan yang diberikan.

Pensyarah di IPT perlu memainkan peranan dalam usaha membendung kecenderungan pelajar daripada terlibat dengan masalah gejala sosial. Hal ini adalah kerana pelajar lebih banyak bertemu, bersemuka dan berbincang dengan pensyarah mereka sepanjang pelajar berada di IPT. Selain daripada menjalankan tugas hakiki seorang pensyarah, mereka juga berperanan sebagai penasihat akademik (PA) iaitu memberikan nasihat, pendapat dan pandangan serta memantau segala aktiviti yang dilakukan oleh para pelajar dibawah seliaan mereka. Melalui medium ini, pelajar akan rasa lebih selamat dan mempunyai tempat untuk mereka meluahkan masalah serta mendapatkan rujukan sepanjang mereka berada di IPT. Selain daripada itu, mengadakan program berbentuk ceramah motivasi dan klinik kaunseling juga merupakan langkah-langkah awal untuk membendung daripada berlakunya masalah gejala sosial di kalangan pelajar-pelajar IPT.

Rujukan

- Abdul Rahmat Abdul Aziz (2002). *Pemikiran Etika Hamka*. Utusan Publication and Distribution Sdn Bhd.
- Dr Hamzah Ya'qub (2003) *Etika Islam*. Publicita, Jakarta
- Mohd Janib Johari (2009) *Etika Profesional Universiti Teknologi Malaysia*.
- Gejala Sosial – Semua Pihak Perlu Bekerjasama (23 Ogos 2004) Utusan Malaysia
- Atasi Gejala Sosial Menerusi Pendekatan Pendidikan Islam (13 Dis 2008). *Berita Harian*
- Kenny, M. E., & Rice, K. G, . 1995. Attachment to parents and adjustment in late adolescent college students: Current status, application, and future considerations. *Counseling Psychologist*, 23, 433-456
- Nor Ba'yah (2004). Sokongan Sosial Dan Keceriaan: Tinjauan Awal Di Institusi Pengajian Tinggi, Vol 1, No 1 (2004)
- Noor Azam Abdul Rahman (2003). *Gangguan komunikasi antara remaja dan keluarga: aplikasi konsep Komunikasi Islam*
- Mohammad Abu Bakar,(2011), *Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran*.